

HASiL PERKUKUH PELAKSANAAN E-INVOIS MENERUSI SESI LIBAT URUS STRATEGIK BERSAMA DENGAN KOMUNITI PERNIAGAAN

CYBERJAYA, 22 Disember 2025 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) terus komited memperkukuh pelaksanaan e-Invois melalui **Sesi Libat Urus HASiL Bersama Dengan Persatuan Perdagangan**, yang menghimpunkan 21 wakil dewan perniagaan dan persatuan perdagangan sekitar Lembah Klang. Sesi yang diadakan di Dewan Bangsawan, Menara HASiL, Cyberjaya ini menjadi platform perbincangan dua hala bagi menangani isu dan cabaran percukaian secara langsung bersama dengan komuniti perniagaan.

Berucap pada majlis tersebut, YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL berkata, pendekatan libat urus secara berterusan amat penting bagi memastikan pelaksanaan e-Invois dapat dilaksanakan secara lebih efektif, efisien dan responsif terhadap keperluan semasa perniagaan. Menurut beliau, dewan perniagaan dan persatuan perdagangan merupakan rakan strategik dalam memperluas hebahan, kesedaran dan pendidikan e-Invois kepada ahli masing-masing serta industri secara keseluruhannya.

Pelaksanaan e-Invois di Malaysia telah bermula secara berfasa sejak 1 Ogos 2024 dan kini sedang menuju ke Fasa 4, yang akan melibatkan pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan sehingga RM5 juta. Sehubungan dengan itu, HASiL menekankan kepentingan untuk terus mendengar pandangan PMKS bagi memastikan objektif pelaksanaan e-Invois dapat difahami dan diterima dengan baik.

Mengulas mengenai inisiatif kerajaan, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL turut memaklumkan bahawa peningkatan nilai ambang pengecualian e-Invois daripada RM500,000 kepada RM1 juta ke bawah telah memberi ruang kepada perusahaan mikro dan kecil (PKS) untuk memperkemaskan pengurusan transaksi perniagaan mereka. Walau bagaimanapun, kumpulan yang dikecualikan ini turut digalakkan untuk melaksanakan e-Invois secara sukarela bagi mendigitalkan operasi perniagaan dan meningkatkan kecekapan operasi.

Sebagai rekod, sehingga 22 Disember 2025, lebih 820.5 juta e-Invois telah dikeluarkan dengan penyertaan lebih 111,600 pembayar cukai, merangkumi pembayar cukai mandatori Fasa 1 hingga Fasa 3 serta pembayar cukai Fasa 4 yang melaksanakan e-Invois secara sukarela. Pencapaian ini mencerminkan tahap penerimaan dan pematuhan yang amat memberangsangkan dalam kalangan perniagaan di Malaysia.

Bagi memudahkan pelaksanaan e-Invois, HASiL telah menyediakan pelbagai kemudahan termasuk Portal MyInvois dan Aplikasi Mobile MyInvois, MyInvois e-POS, fungsi Kod QR Pembayar Cukai, Carian Nombor Pengenalan Cukai (TIN) serta kaunter perkhidmatan e-Invois di 35 pejabat HASiL di seluruh negara.

HASiL akan terus mempergiatkan aktiviti kesedaran dan pendidikan e-Invois serta memastikan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan dilaksanakan secara berterusan bagi menyokong pembinaan ekosistem percukaian dan perniagaan yang progresif, inklusif dan mampan.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

RISE BEYOND LIMITS

Dikeluarkan oleh:
Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 22 Disember 2025

LAMPIRAN



YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin, KPE HASiL menyampaikan ucapan sempena Sesi Libat Urus (SLU) HASiL Bersama Dengan Persatuan Perdagangan.



KPE HASiL (tengah), semasa Sesi Dialog Pelaksanaan e-Invois dan turut disertai oleh YBrs. Encik Shaharrudy Othman, TKPE (Operasi Percukaian) (kiri) dan YBrs. Dr. Rasyidah Che Rosli, Pengarah Bahagian e-Invois (kanan).

Ms | 4



KPE HASiL bersama barisan Pengurusan Kanan HASiL bergambar kenang-kenangan bersama-sama dengan peserta SLU pada hari ini.